

09/06/1997

Bandar Baru Bangi didakwa kotor

Anak Wawasan

SAYA adalah penduduk Bandar Baru Bangi, Selangor dan menetap di sini selama dua tahun. Kewujudannya berjaya membangunkan sosioekonomi penduduk setempat dengan penempatan kilang pembuatan. Syabas saya ucapkan kepada kerajaan Negeri Selangor.

Namun begitu pembangunan itu tidak sejajar dengan peningkatan mutu kebersihan di Bandar Baru Bangi. Sampah-sarap dibiarkan bertaburan di sepanjang jalan seolah-olah tiada pihak bertanggungjawab menguruskannya.

Ia jelas kelihatan di kawasan medan makan dan rumah kedai di Fasa 1. Kotak ikan dan sampah dibiarkan bertaburan tanpa diselia selepas pasar malam dan pasar tani. Pada waktu malam pula, tikus dan lipas berkeliaran mencari sisa makanan. Keadaan ini sungguh mengaibkan dan menyakitkan mata.

Pihak berkuasa tempatan juga harus merangka program peningkatan kebersihan seperti penyediaan lebih banyak tong sampah dan jadual penyeliaan sampah.

Diharap tindakan berkesan dapat dilakukan sejajar dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini untuk melihat peningkatan mutu kebersihan di negara ini.